

# SEMINAR FIQH AL-AWLAWIYYAT (KEUTAMAAN) DALAM MENDEPANI ISU SEMASA UMAT ISLAM

**Tarikh** : 10 April 2010 / 25 Rabiul Akhir 1431H  
**Tempat** : Auditorium Intim, Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan

## EKONOMI ISLAM; TAQWA SEBAGAI FAKTOR PENGELUARAN

Oleh:  
YBhg. Dr. Hj Wan Abd Rahman bin Wan Abd.Latif  
Bekas Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia




**Anjuran**  
Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) Cawangan Perak  
Dan  
Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK)

1. **Pengenalan:** Dalam kehidupan manusia, Islam memberi keutamaan kepada pengukuhan *ruhaniah* berbanding *maddiyah*. Pemilikan aspek material adalah bertujuan untuk pengukuhan aspek keruhanian. Atas dasar inilah pemilikan kekayaan secara peribadi (*private ownership of wealth*) sungguhpun dibenarkan oleh Islam, ia terikat kepada tuntutan yang bersifat *jamaii* melalui sistem pengagihan yang berkesan (*effective distributive system*) berteraskan asas moral (akhlak) yang kukuh.
2. Berdasarkan kepada hakikat betapa besarnya peranan akhlak dalam kehidupan manusia, maka Islam melihat 'akhlak' sebagai satu faktor pengeluaran yang terpenting (*morality as a factor of production*) di samping faktor-faktor pengeluaran yang lain seperti tanah, buruh dan modal. Akhir-akhir ini faktor keusahawanan (*entrepreneurship*) dilihat sebagai faktor penting ; dan juga perbincangan mengenai betapa pentingnya *modal insan* (human capital). Dalam hal ini sejak awal lagi Islam lebih mengutamakan faktor *buruh* berbanding tanah dan modal.
3. Sistem kapitalisme menekankan kepada kuasa pengumpulan kekayaan tanpa had (*the sky is the limit*); sistem komunisme menekankan pengagihan kekayaan yang sama rata (*from each according to his ability, to each according to his needs*); Islam berada ditengah-tengah mempamerkan sistem keseimbangan yang dinamis (*dynamic equilibrium*). Konsep 'pertengahan' dalam Islam (*the golden mean*) perlu dilihat dari perspektif *cyclical* bukan dari sudut *linear*. Dalam hal ini, ekonomi Islam berpegang kepada pendekatan berikut: Pengeluaran (*production*) perlu dimaksimakan; kepenggunaan (*consumption*) perlu disederhanakan; maka lebihan (*lebihan*) akan berlaku dalam masyarakat bagi tujuan untuk diagihkan kepada kelompok masyarakat yang memerlukan.
4. Kayu ukur 'pembangunan' (*developoment*) dan 'kemajuan' (*progress*) tidak boleh semata-mata berdasarkan ukuran ekonomi statistik. Dalam ertikata ia merujuk kepada konsep 'pertumbuhan' (*growth*) dengan menggunakan kayu ukur pendapatan per kapita. Sebagai contoh, pendapatan per kapita di Malaysia pada tahun 2007 ialah RM22,345 Ini sesuatu yang tidak logik. Berapa peratus sahaja dari rakyat Malaysia yang memiliki pendapatan bulanan sebanyak ini?

5. Semua perlakuan manusia, termasuk perlakuan ekonomi, bersifat *purposive*. Dalam sistem kapitalis, perlakuan aktor ekonomi adalah pengumpulan modal (*accumulation of capital*). Pengumpulan modal berdasarkan pengkhususan buruh, *economies of scale*, *private enterprise*, *utility* dan *marginality*. Logik pengumpulan modal meneguhkan prinsip ‘yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin’. Aspek pengumpulan kekayaan lebih ditekankan berbanding aspek pengagihan (*distributaion*). Dari sudut seorang kapitalis, ia tidak mempunyai tanggungjawab moral (*moral responsibility*) untuk mengagih kekayaannya kepada golongan miskin. Walhal, dari perspektif Islam orang miskin mempunyai hak (*right*) ke atas kekayaan orang kaya. Ini bermakna, sebagai contoh, CSR (*Corporate Social Responsibility*) bukan merupa satu pilihan (*choice*) tetapi merupakan satu kemestian (*a must*) yang perlu dilaksanakan oleh badan-badan korporat. Kesimpulan: secara asasnya perjalanan sistem kapitalis adalah secara *fundamentalnya* bersifat sekular dalam ertikata ia tidak menjadikan faktor moral sebagai faktor penting (*economics is morally neutral*).
  
6. Sistem komunisme dan sosialisme yang menekankan aspek pemusatan dan pengagihan kekayaan oleh negara (*state*) juga terikat dengan prinsip sekularisme yang awal-awal lagi menolak prinsip ketuhan (bandingkan kata-kata Marx: *religion is the opium of the people*). Prinsip teras komunisme/sosialisme ‘*from each to his ability and to each according to his needs*’ penting bagi tujuan pengagihan. Tetapi prinsip ini membunuh *insentif* ( yang amat ditekankan oleh sistem kapitalisme, sungguhpun ia meminimakan peranan pengagihan).

7. Kedua-dua keadaan 'ekstrim' yang dipamerkan oleh kapitalisme dan komunisme/sosialisme ditangani secara baik oleh Islam, agama pertengahan yang dinamis. Kedinamikan sistem ekonomi Islam perlu dilihat (seperti yang dirujuk sebelum ini ) dari sudut *cyclical* bukan dari sudut *linear* (lukis rajah, gambarkan paksi gasing yang sedang berpusing dengan ligatnya). Secara kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa bahawa sistem bukan Islam (seperti kapitalisme dan komunisme) secara hakikinya yang bersifat 'ekstrim' bukan sistem Islam. Sila lihat Rajah di bawah:



Petunjuk:

A = Maksima

B = Pertengahan

C = Minima

8. Seperti yang dirujuk sebelum ini bahawa kedinamikan sistem ekonomi Islam mempunyai ciri-ciri berikut: Pengeluaran maksima, penggunaan sedernana, *maka* lebih meningkat untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukannya. Dua mekanisme pengagihan: wajib (zakat), sunat (sadaqah). Zakat menyucikan modal (*purification of capital*) dan sadaqah (mempunyai kesan gandaan (*multiplier effect*) yang tersendiri. Contoh semasa pemerintahan Saidina Umar Abd. Aziz (hanya selama dua tahun lebih) di mana semua orang Islam tidak layak menerima zakat, dalam ertikata semua rakyat (dari segi ekonominya) berada di atas garis kemiskinan. Selesai masalah 'kemiskinan mutlak' (*absolute poverty*) dan 'kemiskinan relatif' (*relative poverty*) yang menghantui sistem kapitalisme. Pelakuan aktor ekonomi dari perspektif Islam adalah juga *purposive* iaitu untuk mencari keredhaan Allah (*mardhatillah*) Dari sudut ini, seperti yang dirujuk sebelum ini, Islam melihat ketaqwaan (*piety*) sebagai faktor pengeluaran terpenting selain tanah, buruh dan modal.
9. Sistem kapitalisme yang tidak menjadikan *taqwa* sebagai asasnya turut memberi penekanan kepada pentingnya peranan *individualisme* dalam masyarakat kerana ia ada kaitan dengan *private enterprise*. Pemahaman dan pemakaian fahaman ini mempunyai kontradiksi yang asas (*basic contradictions*) dengan ideologi demokrasi yang menekankan pentingnya aspek kolektiviti ( orang ramai). Ia juga bercanggah dengan peranan negara dalam sistem demokrasi iaitu bertujuan untuk mempromosi kebajikan awam (*promoting common welfare*).
10. **Kesimpulan:** Islam melihat *pahala* sebagai salah satu bentuk *utiliti* dan *taqwa* sebagai faktor pengeluaran yang terpenting. Pelakuan ekonomi manusia di dunia ditakrifkan oleh ganjaran akhirat yang akan mereka terima. Dalam hal ini Allah berfirman: “ *Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahgiaan) negeri akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosokan di atas muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosokan*” (Al- Qashash: 77).